



**PERUTUSAN HARI GAWAI DAYAK 2025**  
**OLEH**  
**TUAN YANG TERUTAMA**  
**YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK**  
**TUN PEHIN SRI DR WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR**

Salam Sejahtera dan Gayu Guru Gerai Nyamai kepada seluruh rakyat Sarawak, khususnya masyarakat Dayak yang meraikan Hari Gawai pada tahun ini.

Setiap kali tibanya tanggal 1 Jun, seluruh masyarakat Dayak bersatu hati merayakan Hari Gawai Dayak sebagai lambang kesyukuran atas hasil tuaian yang melimpah, di samping mempereratkan hubungan kekeluargaan serta memelihara warisan budaya yang amat berharga.

Hari Gawai Dayak diisytiharkan sebagai perayaan rasmi sejak tahun 1965, hasil usaha gigih pemimpin terdahulu yang mahu mengangkat martabat budaya Dayak ke persada yang lebih tinggi. Ia bukan sekadar perayaan menuai hasil padi, tetapi menjadi simbol perpaduan, keharmonian dan semangat muhibah dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di Sarawak. Tradisi ngajat, ruai, ai pengayu, serta amalan gotong-royong dalam persiapan perayaan mencerminkan keindahan budaya dan nilai murni yang harus terus dipelihara.

Dalam menghadapi era globalisasi dan kemajuan teknologi, pendidikan kekal sebagai asas utama dalam membentuk generasi yang berilmu dan berdaya saing. Saya amat menghargai usaha kerajaan Sarawak dalam memastikan anak-anak Sarawak, terutamanya di kawasan pedalaman, tidak terpinggir daripada arus pendidikan yang berkualiti.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi meningkatkan kadar literasi dan prestasi akademik, termasuk program intervensi awal serta pembukaan pusat bimbingan pembelajaran. Adalah menjadi harapan saya agar ibu bapa terus memberi penekanan kepada pentingnya pendidikan bagi membolehkan anak-anak mencapai kejayaan dan membina masa depan yang lebih cerah.

Kerajaan Sarawak, di bawah kepimpinan yang prihatin, terus komited melaksanakan pembangunan infrastruktur secara inklusif. Program pembinaan dan menaik taraf sekolah daif kini giat dilaksanakan, terutamanya di kawasan luar bandar.



Saya difahamkan, lebih 200 projek pembinaan semula dan penambahbaikan sekolah daif telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan Pasca COVID-19 (PCDS) 2030, bagi memastikan kemudahan pembelajaran yang kondusif dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat di bandar dan luar bandar.

Selain itu, usaha memperbaiki prasarana asas seperti jalan raya, jambatan, bekalan air bersih dan kemudahan telekomunikasi turut dipergiatkan. Pembinaan 16 jambatan sedang dijalankan sekaligus serta Lebuhraya Pan Borneo dan rangkaian jalan persisir yang kini giat diteruskan adalah bukti nyata komitmen kerajaan dalam merapatkan jurang pembangunan bandar dan luar bandar.

Saya turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang aktif membantu masyarakat, khususnya dalam bidang pendidikan, kebijakan, kesihatan, dan pemeliharaan budaya Dayak.

Melalui pelaksanaan pelbagai program seperti sumbangan keperluan pendidikan kepada pelajar B40, kempen kesihatan percuma, dan inisiatif memulihara kesenian serta adat resam Dayak, NGO telah menjadi rakan strategik yang penting dalam usaha membangun sebuah masyarakat yang inklusif dan sejahtera.

Dalam kegembiraan kita menyambut perayaan Hari Gawai Dayak ini, saya dan keluarga ingin mengingatkan seluruh rakyat Sarawak agar sentiasa berhati-hati dan mengutamakan keselamatan ketika dalam perjalanan pulang ke kampung halaman masing-masing. Dengan adanya jaringan jalan raya yang lebih baik dan selesa, termasuk Lebuhraya Pan Borneo, janganlah kemudahan ini disalahgunakan sebagai litar lumba. Utamakan keselamatan, biarlah lambat asalkan selamat sampai ke destinasi.

Saya juga menyeru agar para pemandu memandu dengan berhemah dan sentiasa mematuhi peraturan serta undang-undang jalan raya yang ditetapkan. Pastikan kenderaan berada dalam keadaan yang baik dan selamat, termasuk pemeriksaan terhadap keadaan tayar, sistem brek, penyelarasaran (alignment) dan stereng kenderaan. Sebelum berangkat, pastikan juga rumah yang ditinggalkan dikunci dengan sempurna dan semua bekalan elektrik dimatikan bagi mengelak sebarang kejadian yang tidak diingini.



Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan bahawa insiden kemalangan jalan raya yang membabitkan Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) Unit 5 di Jalan Chikus – Sungai Lampam, Teluk Intan, Perak baru-baru ini harus dijadikan iktibar kepada kita semua. Tragedi sebegini seharusnya membuka mata kita tentang pentingnya mematuhi aspek keselamatan dan memandu dengan penuh tanggungjawab. Sambutlah perayaan ini dengan penuh kesederhanaan, bertanggungjawab, dan utamakan keselamatan demi kesejahteraan keluarga serta masyarakat keseluruhannya.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama mengekalkan keharmonian, memperkuatkan perpaduan dan terus berusaha membangunkan negeri ini agar mencapai kemakmuran yang lebih gemilang. Saya mendoakan semoga perayaan Hari Gawai Dayak kali ini disambut dengan penuh keceriaan, kesyukuran dan semangat kekeluargaan.

Selamat Hari Gawai Dayak. Gayu Guru Gerai Nyamai, Lantang Senang Nguan Menua!  
Sekian, terima kasih.